

06/05/1998

Industri kewangan belum bersedia hadapi Y2K

M Azlan Jaafar

KURANG 604 hari lagi sebelum abad baru muncul, tetapi 75 peratus dalam industri kewangan dan insurans negara masih lagi dalam peringkat perancangan untuk menangani masalah tahun 2000 atau Y2K.

Maklumat itu terkandung dalam laporan Pasukan Petugas Y2K Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) yang didedahkan kepada umum atau declassified ketika persidangan ITX/InfoTech 98 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut kajian Bank Negara Malaysia, hanya 25 peratus dalam industri kewangan dan insurans sudah menggariskan langkah khusus bagi melaksanakan penyelesaian Y2K dalam organisasi mereka.

Soal selidik yang dilaksanakan oleh bank pusat itu bertujuan mengukur tahap kesedaran bank komersil, syarikat kewangan, bank perdagangan, firma pembrokeran, syarikat insurans dan penilai insurans mengenai isu Y2K.

Bagaimanapun, industri kewangan secara keseluruhan menyedari isu Y2K dan kesan yang bakal dihadapi perniagaan mereka.

"Semua institusi memberi petunjuk mereka mempunyai sumber yang mencukupi (termasuk belanjawan) bagi mengatasi masalah Y2K sebelum masanya," kata laporan itu.

Pasukan Petugas Y2K NITC ditubuhkan pada 24 April, 1997 selepas saranan Pengerusi NITC Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyedari kesan Millennium Bug kepada industri di negara ini.

Industri kewangan dan insurans adalah antara pengguna sistem legasi kerangka utama dan terdedah kepada ancaman Y2K.

Kebanyakan perisian dalam sistem gergasi itu ditulis dengan bahasa pengaturcaraan Cobol yang menulis kod tarikh dalam norma dua angka bagi mewakili tahun.

Contohnya, 1 Januari 1998 diwakili sebagai 01/01/98. Pada 1 Januari 2000, sistem kewangan yang tidak serasi Y2K akan mentakrif tarikh itu sebagai 01/01/00, yang turut merujuk kepada tahun 1900.

Walaupun kesan sebenar Y2K sukar ditentukan, salah kiraan tarikh itu akan menjejaskan banyak pengiraan kewangan seperti faedah pinjaman, simpanan dan pelbagai transaksi perbankan.

Pembetulan mungkin mengambil masa kerana pengaturcara atau pakar perlu memeriksa setiap baris kod perisian yang merujuk kepada tarikh. Jumlah baris pengkodan mungkin dalam jumlah jutaan, terutama bagi perisian besar.

Menurut laporan itu, Bank Negara Malaysia akan terus memeriksa serta mengawasi perkembangan industri berkenaan dalam menangani isu Y2K.

Walaupun beberapa bank telah mengumumkan projek bagi mengatasi masalah Y2K, ketelusan menyatakan jumlah perbelanjaan dan jumlah kod terbabit bagi penilaian tidak dinyatakan. Ini berlainan dengan syarikat di negara barat yang secara terbuka melaporkan jumlah perbelanjaan dan jumlah baris pengkodan terbabit.

Laporan itu turut menggalakkan penggunaan Panduan Tahun 2000 Shell dan peralatan IBM Assessment 2000 sebagai langkah bagi syarikat mengenal pasti kesan sebenar Y2K dalam organisasi mereka.

Pengurus Projek Tahun 2000 (Y2K) IBM Malaysia, Hasannudin Saidin, berkata "Terdapat kira-kira 100 pendaftaran bagi perisian IBM Assessment 2000 sehingga kini.

"Kebanyakan pengguna melungsur laman Web disediakan dan tidak pindah turun (download) semua kandungan," katanya lagi.

Selain masa, faktor kos pemulihan sistem turut mendapat perhatian.

Jumlah kos yang kerap digunakan ialah dari Kumpulan Gartner yang meletakkan jumlah secara global pada kadar AS\$600 bilion.

Sesetengah pihak berkata jumlah sebenar lebih tinggi jika diambil kira kos perundangan yang dijangka pada AS\$1 trilion.

(END)